

01 JUN 1998

ANWAR-KADAR FAEDAH/I

ANWAR: KADAR BERIAN PINJAMAN TEMPATAN TIDAK BOLEH RENDAH DPD KADAR  
DEPOSIT LUAR PESISIR

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata bahawa masyarakat perniagaan perlu memahami bahawa kadar berian pinjaman di negara ini tidak boleh berada di bawah tahap yang lebih rendah daripada kadar deposit luar pesisir yang kini berlegar sekitar 20 peratus bagi ringgit.

"Adalah amat penting rakyat yang membicarakan kadar faedah mengetahui kadar luar pesisir bagi ringgit," katanya, merujuk pada kadar luar pesisir yang tinggi baru-baru ini.

Jika perkara ini tidak diambil kira, maka keseluruhan sistem kewangan terdedah pada risiko, katanya pada pemberita selepas merasmikan persidangan tahunan minyak dan gas Asia ketiga yang dianjurkan Petronas.

Anwar yang juga menteri kewangan menambah bahawa bank pusat mempunyai pilihan untuk menurunkan kadar faedah, tetapi kadar luar pesisir yang tinggi bagi deposit ringgit mesti diambil kira dalam menentukan kadar faedah jika tidak, sistem kewangan mungkin terjejas.

Ditanya perlukah kadar faedah direndahkan, katanya: "Pilihan perlu dibuat melalui bank pusat. Potongan kadar akan menjejaskan matawang dan inflasi.

Anwar juga berkata kerajaan tidak menafikan hakikat bahawa masyarakat perniagaan menghadapi masalah.

Beliau mengakui bahawa kadar faedah harus ditentukan oleh kuasa pasaran.

Beliau berkata Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan penjelasan yang lebih lanjut hari ini mengenai keadaan kadar faedah semasa dan menerangkan beberapa kekeliruan tentang data keluaran dalam negera kasar (KDNK) yang baru sahaja diterbitkan.

"Saya telah mengarahkan mereka (pegawai-pegawai Bank Negara) supaya berbuat demikian bagi mengelakkan kekeliruan," katanya.

Menyentuh tentang kenyataan Perdana Menteri mengenai kadar faedah pada Sabtu lalu, Anwar berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekadar melahirkan pandangan umum mengenai masyarakat perniagaan yang merasakan bahawa kadar faedah ketika ini adalah terlalu tinggi.

Anwar berkata: "Apa yang lebih penting sekarang ialah kelegaan kredit. Ini sebahagiannya boleh diatasi dengan penubuhan Syarikat Pengurusan Aset (SPA) yang dicadangkan.

"SPA akan mengambil alih sebahagian daripada pinjaman tidak berbayar bank-bank di negara ini dan ini seharusnya membolehkan bank-bank perdagangan menyalurkan pinjaman-pinjaman kepada beberapa sektor ekonomi.

"Kita tidak boleh mengarahkan bank-bank menyalurkan pinjaman-pinjaman kepada orang-orang tertentu ataupun syarikat tertentu. Ingin saya katakan bahawa langkah seumpama itu adalah sungguh tidak bijak."

-- BERNAMA

DVS RIZ MA